



## ANALITIKA

Available online <http://ojs.uma.ac.id/index.php/analitika>

---

### ***From Special Education to Recovery Education: Two Learning Programs***

### **Dari Pendidikan Khas ke Pendidikan Pemulihan: Dua Program Masalah Pembelajaran**

Chiang Ee Fong

Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang, Malaysia

\*Corresponding author: E-mail: [eeefong@hotmail.com](mailto:eeefong@hotmail.com)

---

#### **Abstrak**

Pengalaman mengajar Pendidikan Khas dan Pendidikan Pemulihan adalah istimewa. Dua jenis pendidikan yang berkaitan dengan murid-murid kurang upaya mempunyai banyak kesamaan dan perbezaan yang jauh beza. Dengan mengkaji secara mendalam mengenai definisi program, ciri-ciri murid khas bermasalah pembelajaran dan murid pemuliharaan, matlamat, pentaksiran, kurikulum serta kaedah mengajar dua jenis pendidikan tersebut, pengetahuan dan kefahaman tentang banyak aspek dua program dapat ditingkatkan. Juga, banyak pandangan yang agak mengelirukan dapat dijelaskan dan banyak wawasan (insight) diluar jangkauan dapat diperolehi.

**Kata Kunci:** Pendidikan Khas, Pendidikan Pemulihan

#### **Abstract**

*The teaching experience of Special Education and Recovery Education is special. Two types of education related to students with disabilities have many differences and similarities. By studying the definition of the program in depth, the characteristics of special students with problematic learning and student learning, objectives, assessments, curricula and teaching methods of two types of education, knowledge and understanding of many aspects of the two courses can be improved. Also, a bit of a confusing view can be explained and many insights can not be expected.*

**Keywords:** Special Education, Recovery Education

**How to Cite:** Fong, E. C., (2018), Dari Pendidikan Khas ke Pendidikan Pemulihan: Dua Program Masalah Pembelajaran. *Analitika*, Vol 10 (1): 46 - 53

---

## INTRODUCTION

Pendidikan Khas (PK) merujuk kepada program yang dirancang khusus untuk memenuhi pelbagai keperluan murid-murid khas (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Manakala, Pendidikan Pemulihan (PP), adalah satu program pendidikan disediakan untuk murid yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran asas 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira yang kompleks disebabkan oleh faktor persekitaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Walaupun kedua-dua program pendidikan tersebut bertujuan untuk membantu murid-murid bermasalah dalam pembelajaran, kami perlu mengetahui perbezaan antara dua golongan murid yang berbeza ini untuk menghasilkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan.

Mendefinisikan murid-murid khas bermasalah pembelajaran (MKMP) adalah agak kompleks. MKMP boleh dibahagi kepada beberapa kategori kursus seperti murid bermasalah Sindrom Down, Autisme, Palsi Serebral, Attention Deficit Disorder (ADD) dan Attention Deficit Hiperactive Disorder (ADHD) dan Pintar Cerdas (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2000). Setiap masalah pembelajaran murid pendidikan khas adalah jauh beza. Misalnya, murid sindrom down mempunyai masalah fizikal seperti lidah tebal, jari pendek dan lebar, penyakit telinga, mata, hidung serta IQ rendah yang mengganggu pembelajaran mereka. Namun, murid autisme tiada masalah fizikal. Mereka bermasalah komunikasi seperti ekolalia dan kerencatan bahasa, bermasalah sosial-emosi seperti memerlukan rutin yang bercorak ritual,


bermasalah tingkah laku yang serious seperti temper tantrum, kompulsif melakukan tugas berulang-ulang, cederakan diri, tidak upaya bertentang mata, sentiasa menjauhkan diri atau berada di dalam dunia tersendiri serta bermasalah sensori seperti tidak suka disentuh dan mempunyai pendengaran yang amat sensitif. Apabila membandingkan murid pendidikan khas palsi serebral dan Hiperaktif, didapati masalah mereka juga amat berbeza. Murid palsi serebral mengalami kecacatan fizikal yang mengganggu pembelajaran mereka. Masalah utama serebral palsi serebral adalah seperti kecacatan tangan, kaki atau tubuh badan yang memerlukan bantuan alat-alat pembelajaran khas kerusi roda, tangan atau kaki palsu yang menyekat pembelajaran mereka. Contohnya kecacatan tersebut menyebabkan pergerakan tidak terkawal mereka, kekejangan, masalahimbangan badan, masalah motor kasar dan halus yang selalu mengganggu masalah pendidikan jasmani serta kemahiran menulis. Walaupun murid ADD dan ADHD tiada masalah fizikal luaran yang jelas seperti palsi serebral, mereka mengalami masalah biokimia. Masalah dalaman ini mencetuskan banyak masalah tingkah laku yang tidak dapat dikawal oleh murid bermasalah ADD dan ADHD. Masalah yang senantiasa ditunjukkan oleh mereka adalah seperti tidak boleh duduk diam, tumpuan perhatian yang singkat, bermasalah konsentrasi, masalah suka mengganggu kawan, cepat lupa, masalah menunggu giliran dan kes impulsif. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum Malaysia (2008), murid pemulihan (MP) ialah mereka yang menghadapi masalah

pembelajaran dalam kemahiran-kemahiran tertentu, bersifat negatif terhadap pembelajaran dan mempunyai tingkah laku yang menjejaskan pembelajaran serta kurang sikap keyakinan diri dan sikap positif terhadap pembelajaran. Rumusan konsep mengenai perbezaan murid dua program Masalah Pembelajaran oleh Pusat Perkembangan Kurikulum dan Kementerian Pelajaran Malaysia adalah ketara: MKMP adalah murid-murid yang mempunyai pelbagai masalah-masalah khas seperti ternyata di atas manakala murid pemulihan adalah murid bermasalah pembelajaran yang tiada masalah fizikal dari arus perdana.

Oleh sebab jenis MP dan MKMP adalah berlainan, maka matlamat pendidikan kepada mereka adalah agak berbeza. Matlamat PP adalah "Memastikan semua murid menguasai kemahiran asas 3M kecuali murid berkeperluan khas (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)." Sebaliknya, misi PK pula ingin menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada murid-murid berkeperluan khas untuk menjadikan mereka insan yang dapat berdikari, berjaya dalam hidup dan memberikan sumbangan bakti kepada masyarakat dan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Sistem penempatan murid ke dalam PP atau PK adalah melalui beberapa ujian penapisan (rajah 1). Sebelum masuk bangku sekolah darjah 1, semua murid perlu menyertai satu ujian saringan untuk mengesan sama ada mereka menghadapi masalah pembelajaran atau layak mengikuti program PP atau PK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Murid yang gagal dalam ujian saringan,

perlu membuat temu janji dengan doktor perubatan untuk menjalani ujian diagnostik. Mereka yang lepas daripada ujian diagnostik boleh menyertai PP manakala kanak-kanak yang ada masalah khas dimasukkan ke dalam program PK. Murid yang telah ditentukan bukan MKMP diberi satu ujian lagi, iaitu ujian saringan Disleksia dengan Instrumen Senarai Semak Disleksia (ISD). Sekiranya murid-murid tersebut didapati mempunyai kelemahan dan kekuatan khas disleksia, mereka akan ditempatkan dalam program PP Khas.



Rajah 1. Ujian untuk menentukan penempatan

Untuk mengajar golongan MP dan MKMP dengan lebih berkesan, bilangan murid dalam dua jenis kelas pendidikan pemulihan (PP) dan pendidikan khas (PK) juga digaris dengan khasnya. Menurut Surat siaran Bahagian Sekolah-sekolah KPM. Bil. KP(BS) 8502/5/PK/Jlid. V(26) bertarikh 28 Jan. 1986 (Kelas Khas Pemulihan Di sekolah Rendah), bilangan

maksima MP adalah 15 orang, manakala kelas MKMP dihadkan seramai 8 orang sahaja.

Bilangan murid yang kecil ini adalah untuk memudahkan pengurusan guru PP dan PK terhadap masalah khas pembelajaran MP & MKMP. Selain daripada pengajaran secara kelas, guru PP dan PK selalu perlu melaksanakan PdP secara individu apabila situasi khas timbul. Misalnya guru PK perlu memegang tangan seorang murid palsi selebral menulis apabila MKMP lain membuat latihan menulis. Alat bantuan mengajar khas yang pelbagai juga harus disediakan oleh guru PP apabila melaksanakan PdP. Adalah biasanya nampak guru pemulihan memberi lembaran kerja dengan tahap yang berlainan kepada MP dalam satu kelas yang mempunyai tahap masalah yang berbeza. Sinerio begitu juga adalah sangat biasa di mana persediaan buku latihan dengan tulisan yang lebih besar oleh guru PK kepada murid sindrom down yang bermasalah penglihatan. Apabila mengkaji mengenai kurikulum PP dan PK, didapati terdapat perbezaan yang ketara dalam beberapa aspek berikut; a)Tempoh Pembelajaran, MP mengikuti kurikulum Sekolah Rendah Tahap 1 sahaja (darjah 1 hingga 3) manakala bagi MKMP, mereka mengikuti program PK. Program PK mempunyai kurikulum khas sendiri dari darjah 1 hingga ke darjah 6. Satu aspek yang jauh beza dalam kurikulum program PK ialah mengenai tempoh pembelajaran MKMP. Mereka dibenar menambah dua tahun pengajian di sekolah untuk menampung kelambatan kadar pembelajaran mereka. Ini bermaksud MKMP boleh belajar 8 tahun di sekolah

rendah dan sekolah menengah masing - masing (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008), b)Matapelajaran, Aspek yang sama antara PP dengan MKMP ialah mereka belajar semua matapelajaran dalam 8 tahun di sekolah rendah. Subjek-subjek yang mereka belajar adalah seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Matematik, Sains serta Rekreasi dan Pendidikan Jasmani Suaian. Tambahan lagi, kurikulum kepada MKMP termasuk 2 subjek khas, iaitu Pengurusan Diri di mana mereka belajar teknik-teknik menguruskan kehidupan sehari-haridan sendiri dan subjek Terapi Dalam Pendidikan Khas. MKMP diberi peluang menyertai beberapa jenis terapi setiap minggu seperti terapi air, terapi kuda, terapi seni atau terapi muzik untuk membantu dalam perkembangan pelbagai kemahiran mereka. MKMP dapat menyertai sesi terapi hanya apabila jurulatih atau tempat terapi sempat diadakan di persekitaran sekolah. Contohnya taman kuda dan kolam air di sekeliling sekolah atau terapis seni atau sukarelawan terapis muzik yang boleh mengajar MKMP. Walaupun murid PP tidak dapat melanjutkan tempoh pembelajaran mereka semasa di sekolah rendah, mereka dapat peluang keluar dari kelas Bahasa Melayu dan Matematik dan menyertai kelas PP yang diajar khas oleh guru PP. Dengan PdP khas pemulihan, masalah pembelajaran 3M mereka dapat dipulih dan menyertai balik kelas Bahasa Melayu dan Matematik arus perdana apabila mereka mencapai tahap 2; c) Pentaksiran dan Penilaian, Pentaksiran dan penilaian merupakan satu bahagian penting dalam kurikulum PK & PP. Baru-baru ini, murid PK perlu menduduki

pentaksiran formatif selepas menguasai setiap topik atau kemahiran untuk setiap subjek. Bagi murid PP pula, mereka perlu menunjukkan prestasi yang memuaskan dalam pentaksiran formatif semua subjek, khususnya dalam Bahasa Melayu dan Matematik yang dilaksanakan oleh guru PP, mereka juga dikehendaki menduduki peperiksaan sumatif dalam kelas arus perdana seperti rakan-rakan yang lain.

### **METODE PENELITIAN**

Semasa mengajar kelas PP, guru PP dikehendaki membahagikan murid PK kepada 2 kumpulan iaitu kumpulan yang berkemahiran sederhana dan kumpulan yang lemah dalam kemahiran tertentu. Apabila guru mengajar kumpulan sederhana sesuatu topik baru, murid kumpulan lemah diberi tugas seperti mengulang kaji pembelajaran yang lepas atau mengukuhkan sesuatu kemahiran asas untuk dilengkapkan. Selapas itu, kaedah pengajaran tersebut ditukar, murid kumpulan sederhana membuat latihan pengukuhan (biasanya secara bertulis) terhadap kemahiran yang baru diajar semasa guru mengajar kumpulan yang lemah sesuatu tajuk atau kemahiran baru. Mengikut Kementerian Pelajaran Malaysia (2008), Rancangan Pendidikan Individu (RPI) merupakan satu cara pengajaran MKMP secara individu yang dirancang secara bertulis bagi menilai pencapaian mereka secara berterusan. Ia adalah sebuah kontrak yang mendokumentasikan program pembelajaran dan perkhidmatan khas yang disediakan oleh satu pasukan orang kepada setiap MKMP yang telah diputuskan memerlukan perkhidmatan PK. Ahli pasukan perunding terdiri

daripada ibu bapa, guru pendidikan khas, guru besar, terapis dan para pakar perubatan dengan mengambil kira beberapa perkara. Perkara-perkara penting termasuk: Kekuatan dan kelemahan murid, Matlamat jangka panjang, Objektif jangka pendek, Jenis perkhidmatan yang akan disediakan untuk murid, Tarikh mula perkhidmatan, Jangka masa yang ditetapkan bagi mencapai objektif, Tanggungjawab setiap individu dalam melaksanakan dan pengawasan RPI.

### **HASIL DAN PEMBAHASAN**

Semua strategi pengurusan tingkah laku yang dipilih hendaklah mengambil kira faktor-faktor khas murid PP dan PK. Ini termasuk keperluan dan kebolehan fizikal, emosi, mental, tahap keterukan, jangka masa pelaksanaan dan juga faktor persekitaran. Strategi pengurusan tingkah laku murid PK dan PP agak sama. Ia melibatkan teknik-teknik berikut; i) Peneguhan Positif, Terdapat 3 jenis peneguhan iaitu peneguhan primer seperti makanan, minuman dll., peneguhan sosial yang terdiri daripada senyuman, pujian dsb. serta peneguhan sekunder yang melibatkan token ekonomi, kupon, bintang dll; ii) Denda. Murid yang engkar amaran guru ditahan kelas atau lambat balik, ambil balik token/hak membuat sesuatu atau kena dendaan fizikal yang bersesuaian; iii) Pengasingan (isolation, suspension). Murid yang melanggar disiplin boleh diasingkan daripada aktiviti yang disukainya atau berdiri di satu sudut dalam bilik darjah (tetapi masih dapat mengikuti PdP). Misalnya mendenda murid time-out berdiri di penjuru bilik atau pergi ke bilik khas snoezelen (tidak dapat mengikuti PdP) untuk menenangkan

emosi tenrum atau hiper MKMP; iv) Pembentukan (shaping). Guru memberi pengukuhan kepada perlakuan-perlakuan murid yang menjurus kepada pembentukan perlakuan yang dikehendaki; v) Prompting. Tanda atau klu kepada murid PK untuk melaksanakan tingkah laku positif atau sesuatu kemahiran. Guru boleh melaksanakan empat jenis rangsangan prompting: lisan, gerak badan, sentuhan dan fizikal kepada MP dan MKMP yang bermasalah tingkah laku; vi) Pelunturan (Fading). Selepas murid PK dapat mengatasi sesuatu masalah tingkah laku atau menguasai sesuatu kemahiran, guru harus mengurangkan atau melunturkan pemberian klu secara perlahan-lahan; vii) Modeling. Kadang-kadang guru boleh menggunakan watak-watak seseorang seperti murid yang berkelakuan baik atau guru yang dihormati atau idola kesayangan untuk diteladani murid PK. Tujuan Modeling ialah untuk menirui sesuatu tingkah laku positif dengan cepat; viii) Kejelakan (Satiation). Apabila murid PK enggan mengikut arahan menghentikan sesuatu tingkah laku yang tidak diinginkan, guru boleh mencuba strategi satiasi ini. Guru boleh mengarahkan (dengan sedikit paksaan) mereka melakukan tingkah laku negatif tersebut banyak kali sehingga mereka jemu melakukannya dan berhenti sendiri; ix) Desensitization. Bagi murid-murid PK yang takut bercakap di hadapan kelas atau mempunyai sesuatu fobia yang serious, guru boleh menggalakkan mereka melakukan tingkah laku yang lemah atau fobia sedikit demi sedikit banyak kali sehingga menghilangkan rasa gugup atau takut yang berlebihan;

x) Penamatan/Pelupusan (extinction). Memberhentikan atau menghalang murid-murid PK daripada terus melakukan tingkah laku yang bahaya. Contohnya guru mengambil terus mancis/pisau/gunting yang ditujukan oleh mereka kepada kawan yang duduk di sebelahnya.

Oleh kerana masalah pembelajaran MP adalah lebih pada penguasaan teknik belajar 3M dalam Bahasa Melayu dan Matematik, strategi pengajaran subjek akademik kepada murid PP adalah agak sama dengan PdP dalam arus perdana. Walaubagaimana, semasa mengajar sesuatu topik atau konsep baru, guru PP harus menyampaikan mengikut langkah demi langkah yang kecil. Kebanyakan murid PP agak lambat dalam pengamatan, guru harus bimbing mereka menguasai setiap langkah ikut kadar pembelajaran mereka. Dalam pada itu, guru PP harus ingat melakukan strategi pengajaran berikut: i) Latih Tubi (drilling). Majoriti murid PP susah mengingat bahan baru yang telah diajari atau bermasalah ingatan jangka pendek. Maka strategi latih tubi harus sentiasa digunakan dalam proses penguasaan sesuatu kemahiran baru mereka. Misal setelah mengajar sesuatu perkataan baru, murid-murid PK boleh diminta mengulangi membaca perkataan tersebut sebanyak lima kali. Tujuan membuat drilling adalah membantu murid mengingat sesuatu kemahiran baru, bukan menjadi satu kebiasaan. Semasa melakukan latih tubi, guru PP boleh menekankan pada sukukata atau ayat Matematik yang susah dikuasai oleh murid. Contohnya guru membaca CENG dengan lebih kuat semasa mengulangi perkataan 'loceng' untuk mengingatkan

murid yang selalu lupa sukukata tersebut atau menulis TEK dengan warna yang lebih mendalam semasa mengulangi kemahiran menulis perkataan 'teks'; ii) Modeling. Walaupun definisi modeling dalam PP adalah sama dengan modeling dalam PK iaitu penggunaan contoh-contoh (guru atau murid) yang baik/betul/bagus untuk diteladani oleh murid, tetapi dalam bidang PP, modeling lebih merujuk kepada peniruan sesuatu kemahiran daripada kecekapan demonstrasi guru. Peniruan yang baik itu akan menguasai kemahiran tersebut. Proses pembelajaran secara modeling meliputi pemerhatian, pemikiran, peringatan, peniruan dengan pelbagai deria agau gerak balas yang sesuai. Contoh aktiviti Modeling adalah seperti meniru tulisan guru dari papan putih ke atas papan tepung dll; iii) Ulangan. Selepas mengajar perkataan baru yang kedua, MKMP dan MP boleh diminta mengulangi perkataan pertama. Bilangan kali mengulangi sesuatu perkataan adalah berdasarkan keperluan (ingatan) setiap orang murid. Guru PP harus peka menguruskan kadar dan kecepatan membuat ulangan supaya tidak membosankan murid yang telah pandai membaca perkataan baru.

Menurut Ainul Shahman (2012), banyak masalah kemahiran menulis biasanya ditunjukkan oleh MP seperti mencampur adukan huruf besar dan kecil, jarak huruf tidak seragam, meninggalkan huruf semasa menyalin ayat, jarak antara perkataan adalah tidak sesuai dan menonjolkan pembalikan huruf. Setelah mengkaji pelbagai sumber, didapati tiada teknik khas untuk mengatasi masalah tersebut. Walau begini, Ainul Shahman turut memberi beberapa cara mengatasi

masalah penulisan MP: i) Memberi bimbingan berterusan. Jika murid melakukan kesilapan semasa menulis perkataan, jangan izinkan murid memadam kesalahn itu tetapi meminta MP menulis di tempat baru. Kemudian minta murid bandingkan tulisan yang mana lebih baik. Minta murid ulang, tulis suku kata atau perkataan yang betul dengan kerap. Ingatkan MP itu supaya lebih berhati-hati semasa menulis dan kurangkan kesilapan; ii) Penggunaan buku latihan yang berkotak. Untuk mengatasi masalah jarak huruf yang tidak seragam, penyalinan huruf atau perkataan mengikut kotak dalam buku latihan yang disediakan akan mengawal kekemasan penulisan MP. Selain itu, menyusun huruf-huruf yang digunting daripada keratan akhbar dalam kotak juga menyeragamkan jarak huruf MP; iii) Menyemak baris demi baris. Guru sentiasa menyemak hasil tulis MP ayat demi ayat atau baris demi baris untuk mengelak peninggalakn huruf semasa menyalin ayat. Selain itu, guru boleh membantu MP dengan mengelakkan daripada memberi perkataan berganda, latihan yang terlalu panjang serta perkataan berimbunan; iv) Jarak dengan jari/pen. MP yang bermasalah menulis jarak antara perkataan yang tidak sesuai boleh didisiplin dengan meletakkan satu jari atau pen di antara perkataan sebagai penanda jarak; v) Mengecam dan menampal huruf yang betul. Bagi MP yang bermasalah pembalikan huruf, guru boleh menggalakkan mereka mengecam huruf-huruf dengan menggunakan kad huruf. Selepas itu, mereka diminta menampal huruf yang telah disediakan oleh guru. Mereka harus diberi latihan menulis huruf-huru yang keliru secara berulang-ulang

sehingga mereka tahu kedudukan/bentuk huruf yang betul.

### SIMPULAN

Setelah mengajar PK selama 7 tahun dan PP selama 4 tahun, didapati masalah MKMP adalah lebih serius dan susah diatasi. Ini disebabkan masalah mereka adalah biokimia-biologikal/ semula jadi dan abnormal/ luar biasa. Guru perlu membantu MKMP mengatasi masalah tingkah laku yang tidak normal sebelum mampu mengajar mereka sebarang mata pelajaran akademik. Manakala MP tidak mengalami sebarang masalah biologikal malah lebih tertumpu pada masalah kognitif sahaja. Dengan kaedah, strategi dan teknik pengajaran yang telah dikuasai oleh guru PK serta PP yang profesional, pembelajaran MKMP dan MP diharap dapat ditingkatkan. Masa depan murid-murid yang kurang upaya dalam pembelajaran ini perlu bantuan dari pelbagai pihak. Dengan kerjasama dan kolaborasi daripada kerajaan, tenaga pengajar terlatih yang bertauliah atau sukarelawan, pihak bukan kerajaan serta masyarakat, diharap dunia dan prospek MKMP dan MP dapat memaju ke arah yang lebih cerah dan menghasilkan golongan kurang upaya yang lebih produktif.

### DAFTAR PUSTAKA

- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2000). Buku Panduan Rancangan Pendidikan Individu Murid-Murid Berkeperluan Khas. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2008). Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2012). Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ainul Shahman, (2012). Cara menyelesaikan masalah pengamatan penglihatan. Carian Google, 29-9-2012
- Pusat Perkembangan Kurikulum, (2008). Pendidikan di Malaysia. Kuala Lumpur: Kementerian Malaysia.